

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah wujud rancangan-rancangan kesihatan dan pertambahan fasiliti kesihatan yang dirancangkan oleh Kementerian di bawah RMK-12 bagi kawasan Baling.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Di bawah Rancangan Malaysia ke 11(RMK-11), terdapat satu (1) projek pembangunan Hospital Baling melibatkan tambahan bangunan yang sedang berada dalam fasa pembinaan dan dijangka siap pada April 2021. Kos siling bagi projek tersebut adalah sebanyak RM107 juta.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah mengenalpasti tiga (3) cadangan pembinaan dan naik taraf fasiliti kesihatan di kawasan Baling, Kedah seperti berikut:
  - i. Pembinaan baru Klinik Kesihatan Jenis 3 di Bandar Baling bagi mengambil-alih perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar di Hospital Baling;
  - ii. Klinik Kesihatan Jenis 3 Kupang (gantian); dan
  - iii. Pembinaan bangunan tambahan dan menaik taraf Hospital Baling (Fasa 2).
3. Walau bagaimanapun, peruntukan dan pelaksanaan bagi cadangan projek-projek di atas tertakluk kepada kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) serta berdasarkan kemampuan kewangan negara.

Sekian, terima kasih.